

Syed Saddiq bidas pihak desak Tun M lepas jawatan

BH - 22/11/2020 ml: 7

Penyokong kuat Anwar persoal kedudukan PM tak hormati konsensus PH

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH), Syed Saddiq Abdul Rahman, membidas tindakan golongan dianggap penyokong kuat Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang didakwa berterusan mempersoalkan kedudukan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Syed Saddiq yang juga Ahli Majlis Presiden PH, berkata golongan pemimpin PH mempersoalkan kedudukan Dr Mahathir sejak tahun lalu, sedangkan Pengerusi PH itu sentiasa berpegang kepada perjanjian PH untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar.

Antara pemimpin yang didakwa mempersoalkan kedudukan Dr Mahathir, termasuk Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Datuk Johari Abdul (Sungai Petani); Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid (Kapar) dan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (Johor Bahru) serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Ronnie Liu.

Selain itu, Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang, P Ramasamy; Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Syed Husin Ali; Naib Presiden PKR, Mohd Rafizi Ramli dan Setiausaha Ang-

katan Muda Keadilan (AMK), Ahmad Syukri Che Ab Razab.

Syed Saddiq berkata, sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), semua ahli Majlis Presiden PH bersetuju secara konsensus mengangkat Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Anwar akan menggantikannya.

"Tidak pernah sekali pun Tun (Dr Mahathir) mengingkari janjinya. Setiap kali ditanya berkenaan transisi (peralihan), Tun sentiasa menjawab dengan tegas bahawa beliau akan melepaskan jawatan kepada Anwar.

"Walaupun didesak kiri dan kanan oleh sekutu Datuk Seri Anwar, Tun masih tetap dengan pendirian ini.


"Beliau amat menghormati konsensus PH. Persoalannya, mengapa penyokong kuat Anwar tidak habis-habis mempersoalkan kedudukan Tun sebagai Perdana Menteri?"

"Sejak tahun lalu, mereka mempersoalkan kedudukan Tun dan membelakangkan konsensus PH. Tidak sampai dua ke tiga tahun Tun memegang jawatan Perdana Menteri, mereka mendesak Tun meletakkan jawatan.

"Bagaimana Tun ingin mentadbir negara jika setiap hari didesak, ditekan dan diserang oleh mereka yang dianggap sebagai sekutu Anwar?" katanya dalam kenyataan yang dimuat naik dalam laman Facebook rasminya, semalam.

Syed Saddiq berkata, perkara itu dilihat sebagai tindakan tidak bertanggungjawab dan tidak berdisiplin, selain tidak mengutamakan kepentingan negara dan rakyat.

Jika mereka boleh membelakangkan konsensus dan persetujuan bersama PH, beliau mempersoalkan sama ada boleh me-



“Bagaimana Tun ingin mentadbir negara jika setiap hari didesak, ditekan dan diserang oleh mereka yang dianggap sebagai sekutu Anwar?”

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman,
Ketua Pemuda PH

lakukan perkara sama jika mahu berbuat demikian.

"Selesaikan masalah anda. Berhenti menuntut Perdana Menteri kita yang dipilih secara demokrasi berundur dan sila hormati konsensus PH," katanya.

Mengulas perkara sama, pemerhati politik, Prof Jayum Jawan, berpandangan pemimpin dan parti dalam gabungan PH perlu berhenti daripada menimbulkan masalah yang menarik perhatian umum sehingga mengganggu Dr Mahathir melaksanakan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri.

Katanya, pelbagai gangguan dalam PH seperti pertelagahan

dalam kalangan pemimpin dan parti komponen boleh menjejaskan tumpuan Perdana Menteri.

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, pemimpin dan parti gabungan PH yang mengalami konflik dalaman perlu berhenti bertelagah kerana isu berkenaan menjejaskan kredibiliti PH pada mata rakyat.

"Itu semua (pergaduhan) perlu dihentikan. Tun tidak sepatutnya perlu memikirkan masalah dalaman dihadapi PH.

"Masa dan tenaga yang ada perlu ditumpukan untuk pembangunan ekonomi. Tun hanya membuang masa jika terpaksa melayan kerenah berebut kuasa dalam PH," katanya kepada BH, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH dilaporkan sebagai berkata, gabungan itu bakal menjadi kerajaan sepenggal jika pemimpinnya masih bergaduh sesama sendiri hingga memecah-belahkan rakyat.

PH berdepan beberapa isu berbangkit seperti pelan peralihan kuasa dan masalah dalaman parti gabungan itu, sekali gus dilihat menjejaskan kredibiliti PH sebagai kerajaan pada mata rakyat.

Kemelut PH itu dikatakan turut mempengaruhi kekalahan mereka pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kimanis, minggu lalu.

Jayum berkata, pemimpin dan parti sekutu PH perlu 'sadar diri' yang kemenangan PH pada pilihan raya umum (PRU) lalu adalah kerana faktor Dr Mahathir.

"Sepatutnya, seluruh pemimpin dan parti sekutu PH kena beri ketenangan kepada Tun. Mereka perlu sedar mandat diberi rakyat adalah kepada Tun, bukan kepada orang lain," katanya.